

## **Peranan Indonesian Community Centre (Icc) Dalam Memperjuangkan Pendidikan Dan Pembinaan Akhlak Kanak-Kanak Pekerja Migran Indonesia (Pmi) Di Malaysia**

**Lasmi<sup>1</sup>, Siti Marpuah<sup>2</sup>, Riki Rahman<sup>3</sup>, Muhammad Najmi  
Hassan<sup>4</sup>**

\*Corresponding Author Designation

1,2,3,4Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),  
Parit Raja, 86400, Johor, MALAYSIA

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2022.03.02.012>

Received 25 September 2022; Accepted 27 November 2022; Available online 31 December 2022

**Abstrak:** ICC Muar beroperasi dengan tujuan untuk memberikan pelayanan pendidikan untuk anak-anak PMI di kawasan sekitar. Maklumat dan input berkenaan dengan peranan ICC Muar dalam pendidikan dan pembinaan akhlak anak-anak PMI tidak banyak dijumpai. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti maklumat dan input yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran dan pembinaan akhlak di ICC Muar. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dengan menggunakan PMI dan pegawai KJRI Johor Bahru sebagai responden. Hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan pelbagai aktiviti pembelajaran yang dijalankan dan bukti adanya pembentukan akhlak dalam kalangan anak-anak PMI di ICC Muar. Masih terdapat ICC lain dan aspek lain berhubungan dengan peranan ICC Muar yang belum dikaji dan diteliti yang semestinya boleh memantapkan kajian ini.

**Kata kunci:** ICC, PMI, Pendidikan, Akhlak

**Abstract:** The objective of ICC Muar is to provide a place for the children of PMI living in the nearby area to obtain education. There has also been lack of information regarding ICC Muar's objective in the education and Akhlaq field. Therefore, this research aims to seek for more information and inputs in relation with the activities held in ICC Muar that are related to education and Akhlaq. This qualitative research uses the interview method in the data collection process, involving PMI and KJRI Johor Bahru officers as the respondents. The results have shown the numerous activities held as a proof of the Akhlaq implementation among the students in ICC Muar. However, there are still other unexplored ICCs that can be researched, as well as other elements in the ICC Muar objectives.

| **Keywords:** ICC, PMI, Education, Akhlaq

## 1. Pengenalan

Pendidikan telah menjadi tunjang kemenjadian masyarakat sejak sekian lama. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan merupakan aspek yang penting dalam usaha melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan mampu membuat keputusan yang wajar dan rasional. Pendidikan bertujuan “sebagai sosialisasi”. <sup>[1]</sup> Dalam erti kata lain, pendidikan juga membantu dalam kegiatan sosial masyarakat. Seseorang individu mendapatkan pendidikan non-formal melalui interaksi sosial dengan individu lain yang berada dalam masyarakat yang sama. Contohnya, mereka akan mempelajari tentang akhlak dan gaya hidup yang bersesuaian dengan lingkungan. Masyarakat Indonesia juga tidak terkecuali daripada prinsip ini.

### 1.1 Pernyataan masalah

Berdasarkan peruntukan perundangan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) sedia ada, mensyaratkan bahawa setiap murid yang hendak masuk ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan hendaklah berstatus warganegara. <sup>[2]</sup> Terdapat juga beberapa pengecualian bagi mereka yang berwarganegara asing. Sebagai contohnya, anak kakitangan Kedutaan Asing, anak kepada PMI yang bergaji RM10 000 ke atas, serta anak kepada PMI yang berpendapatan RM9 999 hingga RM5 000.

Boleh dikatakan bahawa rata-rata PMI di Malaysia tidak tergolong dalam kategori di atas. Namun demikian, disebabkan mereka tidak memenuhi syarat kelayakan dan pengecualian seperti yang telah dinyatakan di atas, anak-anak mereka tidak dapat bersekolah di sekolah kerajaan Malaysia. Hal yang demikian amatlah membimbangkan kerana anak-anak yang tidak bersekolah mempunyai potensi untuk menyumbang isu gejala sosial kerana tidak mendapatkan pendidikan formal. Kesannya, hal ini akan menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan anak-anak PMI ini.

Peranan ICC dalam memperjuangkan pendidikan dan pembentukan akhlak kanak-kanak PMI di Malaysia belum banyak diketahui oleh masyarakat, baik masyarakat Malaysia maupun masyarakat Indonesia. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memberikan input dan maklumat terkini berkaitan peranan ICC bagi memperjuangkan pendidikan dan pembentukan akhlak kanak-kanak PMI di Malaysia secara khusus.

### 1.2 Skop kajian

Skop kajian ini memfokuskan kepada anak-anak PMI yang tidak bersekolah formal di daerah Muar, Johor. Kajian ini dilakukan di Muar kerana daerah tersebut mempunyai komuniti PMI yang mempunyai anak-anak dalam bilangan yang agak ramai. Batasan kajian ini hanya melibatkan anak-anak PMI di ICC Muar dan responden yang terdiri daripada ibu bapa anak-anak PMI dan juga pegawai Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Johor Bahru.

## 2. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan kaedah temubual dalam proses pengumpulan data.

### 2.1 Pengumpulan data

Pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpulkan data kajian ini. Responden kajian dikehendaki untuk menjawab set soalan temu bual yang diberikan oleh pengkaji. Set soalan adalah set soalan temu bual kajian yang memfokuskan kepada persoalan kajian ini.

Temu bual yang dipilih menggunakan soalan terbuka supaya jawapan yang diperoleh daripada responden dapat mencakupi skop kajian dengan meluas. Kaedah temu bual semi struktur dipilih kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif. Pengkaji akan mengutarkan soalan-soalan baru yang tidak dicatat dalam lampiran kepada responden sekiranya pengkaji merasakan soalan yang baru adalah relevan untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji akan mendapatkan jawapan daripada responden dalam bentuk ucapan yang disampaikan. Untuk analisis data, pengkaji akan menggunakan hasil temu bual daripada responden-responen yang dipilih.

## 2.2 Analisis data

Untuk menganalisis data kualitatif yang diperlukan untuk menjawab keempat-empat persoalan kajian, penganalisaan yang akan digunakan adalah berdasarkan tema. Dalam kajian ini, analisis data akan dijalankan mengikut jenis aktiviti yang dijalankan dan ketepatan aktiviti tersebut dengan fungsi ICC Muar.

Jawapan responden akan ditranskripsikan ke dalam Microsoft Word. Salinan transkripsi akan diberikan kepada responden sebagai pengesahan. Kemudian, pemprosesan data dilakukan bagi mengelaskan informasi berdasarkan jawapan yang telah dijawab oleh responden dalam sesi temu bual yang dijalankan. Seterusnya, informasi yang telah dikelaskan akan dilakukan analisis. Akhir sekali, segala analisis yang telah dibuat digunakan untuk membuat rumusan yang bersesuaian untuk penyelidikan ini.

## 3. Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan, hasil dapatan yang diperoleh telah dianalisis dan proses pengekodan telah dilakukan.

### 3.1 Dapatan Kajian

PMI yang menghantar anak-anak mereka untuk belajar di ICC Muar berpendapat bahawa kemahiran belajar anak mereka telah berkembang dengan sangat pesat. Mereka melihat perubahan yang sangat ketara dari anak-anak sebelum diantar belajar dengan selepas mengikuti pembelajaran di ICC Muar. Mereka juga memberikan respon yang sangat positif dengan layanan pendidikan di ICC Muar. Walaupun ICC Muar bukanlah sekolah yang sempurna dan mempunyai banyak kekurangan, kesemua PMI tidak menafikan bahawa ICC Muar memberikan pendidikan yang berkualiti dan membentuk akhlak peribadi yang mulia untuk anak-anak mereka.

Pegawai KJRI Johor Bahru turut memberikan pandangan yang positif terhadap ICC Muar. Kesemua pegawai yang terlibat dengan sesi temu bual kajian ini menggambarkan imej yang baik untuk menghuraikan peranan ICC Muar sepanjang pengoperasiannya. Para pegawai memberikan respons yang positif dan sokongan yang sangat besar terhadap ICC Muar, terutamanya terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di ICC Muar yang bukan sahaja menyumbang kepada pendidikan anak-anak PMI, tetapi juga membina tingkah laku, ahklak dan keperibadian yang baik.



**Gambar 1 & Gambar 2: Melibatkan diri dalam program yang dianjurkan oleh KJRI menjadi usaha untuk membuktikan bahawa ICC Muar sangat menitikberatkan pada tanggung jawab yang diberi.**

### 3.2 Perbincangan

Hasil temu bual yang dijalankan merupakan bukti kukuh tentang peranan sebenar ICC Muar. Seperti yang telah diungkapkan oleh PMI dan pegawai KJRI yang menjadi responden kajian, peranan ICC yang dihuraikan termasuk dalam bidang pendidikan dan pembentukan akhlak. ICC Muar telah menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dapat memupuk anak-anak PMI untuk mengamalkan akhlak yang terpuji dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Tujuan asal pendirian ICC Muar adalah untuk memberikan pendidikan yang selayaknya kepada anak-anak PMI yang berada di kawasan sekitar. Status mereka yang tidak membenarkan mereka untuk mendapat pendidikan di Malaysia diketepikan supaya hak mereka untuk belajar dapat dipenuhi di ICC Muar. Dengan adanya beberapa bahan bantu mengajar, tujuan ini dapat dipenuhi untuk memenuhi kepuasan pelbagai pihak termasuklah PMI dan pegawai KJRI sendiri.

Pendidikan yang ditawarkan di ICC Muar mencakupi Pendidikan Agama Islam dan Kelas Mengaji Iqra'/Al-Quran, subjek-subjek yang memainkan peranan yang sangat besar dalam proses pembinaan akhlak kanak-kanak. Pengajaran subjek-subjek tersebut merupakan kaedah aktif yang digunakan oleh pengajar di ICC Muar supaya anak-anak PMI dapat mengamalkan sikap-sikap terpuji selaras dengan garis panduan Islam tentang akhlak mulia.

Namun demikian, terdapat juga kaedah pasif yang diterapkan oleh pengajar ICC Muar untuk memastikan akhlak anak-anak PMI yang baik dapat dibentuk. Pengajar akan mengadakan sesi non formal untuk berbual secara santai bersama kanak-kanak supaya ikatan secara emosional dapat dibentuk. Langkah ini dapat membantu pengajar untuk menerapkan nilai murni kepada anak-anak PMI di ICC Muar. Penerapan nilai murni boleh dilakukan secara langsung atau tidak langsung, melalui pengajaran di dalam kelas atau pengamalan sikap terpuji oleh pengajar yang semestinya diperhatikan oleh anak-anak PMI di ICC Muar.



**Gambar 3:** Anak-anak PMI menjalankan latihan amali solat.



**Gambar 4:** Anak-anak PMI menyambut kemerdekaan



**Gambar 5:** Anak-anak PMI melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan.



**Gambar 6:** Anak-anak PMI mempersembahkan choral speaking untuk meyambut tetamu.

ICC Muar telah memainkan peranan yang sangat signifikan dalam membentuk akhlak anak-anak PMI. Hal ini menjadi bukti bahawa akhlak anak-anak PMI yang belajar di ICC Muar bertambah baik dengan adanya pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pengajar. Kanak-kanak akan terpengaruh dengan pemerhatian mereka dan faktor inilah yang menyumbang kepada perkembangan sikap mereka.

#### 4. Kesimpulan

ICC Muar memiliki peranan yang sangat penting untuk membentuk akhlak mulia dalam kalangan anak-anak PMI di kawasan sekitar. Dengan adanya penerapan akhlak dalam aktiviti pembelajaran, mereka dapat menjadi kanak-kanak yang berperilaku baik. Kajian ini dapat diteruskan dengan ICC yang lain atau aspek lain yang berkenaan dengan peranan ICC Muar untuk kanak-kanak Indonesia di Malaysia.

## Pengakuan

Pengkaji juga ingin berterima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongannya.

## Rujukan

- [1] Sujana, W. C. (2019). Fungsi dan Tujuan Pendidikan Indonesia. *ADI WIDYA: Jurnal Pendidikan Dasar*, 4(1), 29-39. <http://ejurnal.ihdn.ac.id/index.php/AW>
- [2] Mohd Afizi bin Md Ali. (2019). 16 Perkara Penting Berkaitan Penerimaan Kemasukan Murid Bukan Warganegara ke Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan Mulai 2019. Atas Talian, Diperolehi Pada Julai 7, 2022 di <https://www.sistemguruonline.my/2019/10/16-perkara-penting-berkaitan-penerimaan-kemasukan-murid-bukan-warganegara-ke-sekolah-kerajaan-atau-sekolah-bantuan-kerajaan-mulai-2019.html>